

Pembangunan infrastruktur perlu memanfaatkan rakyat - PM

UTUSAN MALAYSIA 19 APR 2024

m/s. 3

Oleh LUQMAN HAZIQ ABDULLAH
dan KHAIRUL MOHD. ALI
utusannews@mediamulia.com.my

JOHOR BAHRU: Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, pembangunan infrastruktur dan industri yang dirancang perlu mengambil kira manfaat yang dibawa kepada masyarakat termasuk bagi golongan akar umbi.

Menurut Perdana Menteri, disebabkan itu, projek-projek berimpak tinggi seperti zon ekonomi dan zon kewangan, serta projek tebatan banjir perlu dilaksanakan segera.

“Oleh itu, saya minta pegawai-pegawai kerajaan untuk pastikan projek itu berjalan dengan lancar,” katanya selepas menghadiri Majlis Sambutan Aidilfitri Madani 2024 Peringkat Negeri Johor di Padang Begonia, Angsana Johor Bahru Mall, di sini semalam.

Terdahulu, dalam ucapannya, Anwar menyatakan komitmen beliau untuk membasmi isu kemiskinan tegar di negeri ini, selari dengan hasrat membangunkan Johor sebagai sebuah negeri maju.

“Mengikut rekod, jumlah individu miskin tegar di Johor berada di bawah paras 2,000 orang. In-sya-Allah kita mampu noktahkan kemiskinan tegar di Johor dalam masa yang singkat,” tambahnya.

Anwar juga yakin ekonomi Johor akan terus berkembang pesat mengatasi negeri lain dalam tempoh beberapa tahun akan datang.

Menurut Perdana Menteri,



ANWAR Ibrahim melawat gerai-gerai makanan sempena Majlis Sambutan Aidilfitri Madani 2024 Peringkat Negeri Johor di Angsana Johor Bahru Mall, semalam. - UTUSAN/RAJA JAAFAR ALI

perkara itu bersandarkan beberapa projek berimpak tinggi yang dirancang, khususnya Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ) dan Zon Kewangan Khas (SFZ) di Forest City.

“Zon ekonomi dan zon kewangan, kedua-duanya akan memacu pertumbuhan ekonomi lebih besar seperti yang disasarkan kerajaan negeri. Pelbagai pelan sedang dirangka (untuk menjayakannya),” katanya.

“Ini akan bantu mempercepatkan pertumbuhan ekonomi Johor, jangkaannya dalam masa seta-

hun atau dua tahun akan datang, ekonomi Johor akan lebih pesat berbanding negeri lain,” katanya.

Majlis anjuran bersama kerajaan negeri dan Kementerian Pertahanan itu turut dihadiri Menteri Besar, Datuk Onn Hafiz Ghazi; Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin; Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz serta bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Musa Hitam.

Perdana Menteri turut ber-

harap masyarakat berbilang kaum dan agama di negara ini mengambil semangat Aidilfitri ketika ini.

“Melayu, Cina, India dan juga Orang Asli semua itu rakyat Malaysia, mereka mesti dibela sebaiknya, itu semangat Aidilfitri, kasih, ihsan dan rahmah sesama manusia,” katanya.

Perdana Menteri turut mengingatkan semua pihak, khususnya penjawat awam supaya sentiasa berintergriti tinggi dan sikap adil dalam menjalankan tugas masing-masing.